



20 MAY, 2021

## Lambakan buah tembikai, harga jatuh 80 sen sekilogram

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2



ANTARA tembikai yang tidak laku dijual di Kuala Balah, Jeli Kelantan hari ini. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

# Lambakan buah tembikai, harga jatuh 80 sen sekilogram

Oleh AIMUNI TUAN LAH  
[utusannews@mediamulia.com.my](mailto:utusannews@mediamulia.com.my)

**JELI:** Kira-kira 50 pekebun tembikai di Kampung Kuala Balah di sini terpaksa menjual hasil tuaian mereka pada harga 80 sen sekilogram, kurang sekali ganda berbanding RM1.50 hingga RM1.60 harga semasa akibat lambakan buah tersebut ketika ini.

Lebih malang, mereka mungkin berdepan kerugian lebih teruk termasuk tidak pulang modal langsung kerana hasil tuaian tidak laku dipasarkan sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Seorang petani, **Ishak Yusuff**, 42, berkata, mereka biasanya mengeluarkan modal RM5,000 bagi setiap satu hektar kebun yang diusahakan dengan tembikai pada setiap musim.

Katanya, kebanyakan hasil akan keluar secara berperingkat, namun jumlah pekebun yang ramai ketika ini ditambah pemborong yang berkurangan menyebabkan lambakan buah berlaku sehingga ada yang gagal mendapat semula modal mereka.

"Setakat ini saya dan rakan petani lain mengambil inisiatif bersedekah dan mengadakan kempen beli satu percuca satu kepada pelanggan bagi membolehkan hasil tanaman kami terjual.

"Bagaimanapun, buah masih berlambak lagi sedangkan kita tahu tembikai tidak boleh disimpan lama. Saya terpaksa reda

berdepan kerugian berganda pada tahun ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Seorang lagi petani, **Ab. Lah Che Noh**, 71, pula berkata, dia tidak menyangka PKP akan diadakan seluruh negara sekali lagi sehingga menyebabkan hasil tanaman tidak terjual buat tahun kedua berturut-turut.

Katanya, dia sepatutnya sudah memasarkan hasil tanaman secara berperingkat, namun sejumlah tujuh tan tembikai sudah terbiar busuk di kebunnya disebabkan tidak laku dijual secara borong.

"Hingga kini jualan tidak dapat dilakukan disebabkan tiada pasaran. Pada kali ini tiada pemborong datang mengambil buah dan aktiviti jualan tepi jalan kurang sambutan menyebabkan kami rugi selepas mengeluarkan banyak modal," katanya.

Sementara itu, Pegawai Pertanian Jeli, **Norazreen Shamsudin** berkata, Jabatan Pertanian dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan membantu mencari pemborong untuk memasarkan hasil pertanian pekebun tembikai yang mengikat kontrak dengan mereka.

Katanya, kebanyakan penanam yang mengusahakan tembikai adalah di kawasan Kuala Balah dan Lubok Bongor di sini dengan keluasan berjumlah 50 hektar.

"Pihak kami telah membuat kontrak pemasaran dengan Syarikat Beho Supply Sdn. Bhd. untuk mengambil hasil tembikai itu," katanya.



20 MAY, 2021

## Lambakan buah tembakai, harga jatuh 80 sen sekilogram

---

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

ANTARA tembakai yang tidak laku dijual di Kuala Balah. Jeli Kelantan hariini. - UTUSAN/AIMUNITUAN LAH

utusannews@mediamulia.com.my JELI: Kira-kira 50 pekebun tern- bikai di Kampung Kuala Balah di sini terpaksa menjual hasil tuaian pada harga 80 sen sekilo- gram, kurang sekali ganda ber- banding RM1.50 hingga RM1.60 harga semasa akibat lambakan buah tersebut ketika ini.